

Media diingatkan jangan sensasikan isu sensitif

Oleh **ROZAMAN ISMAIL**
dan **HELMI MOHD FOAD**

PUTRAJAYA 25 Juki - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan media arus perdana di negara ini supaya membuat pertimbangan mendalam dengan tidak menyiarkan berita-berita sensitif terutama yang menyentuh isu-isu agama dan kaum.

Perdana Menteri berkata, pengamal media sebenarnya mempunyai kebebasan tetapi dalam masa yang sama terdapat 'pantang larang' yang perlu dipatuhi termasuk mengelakkan diri daripada mensensasikan sesuatu berita hingga menimbulkan reaksi tidak baik kepada rakyat.

Ini termasuk membabitkan sebarang spekulasi, maklumat tidak betul dan laporan palsu serta bersifat pembohongan yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara kepada negara.

"Kadang-kadang ada pihak yang membuat kenyataan mengapi-api rakyat, akan timbulkan reaksi yang membawa kepada keadaan tegang dan timbulkan pergaduhan, tak payahlah apa yang dicakap itu diberi ruang dalam akhbar.

Kerana cakap-cakap itu boleh bawa kepada sesuatu yang tidak baik, ini adalah tanggungjawab akhbar untuk membuat keputusan sama ada ia boleh jadi berita atau tidak," kata beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Media Massa 2006 anjuran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyarankan pengamal media di negara ini agar dapat mengasuh diri supaya lebih berhati-hati apabila terdapat berita yang ada hubung kait dengan soal agama, kaum atau isu-isu politik.

"Jika mensensasikan berita itu boleh membawa kepada keadaan yang tidak baik, maka tidak perlulah ia diberikan liputan.

"Ini adalah cakap Pak Lah tak bagi, dah beri arahan jangan beri liputan, saya bersedia dengan tanggungjawab untuk menyatakan apa yang saya katakan adalah

satu perkara yang benar, jangan melaporkan sesuatu yang kemudiannya akan menimbulkan huru-hara," kata Abdullah.

Abdullah bertanya apakah menjadi satu kerugian kepada media sekiranya perkara tersebut tidak dilaporkan atau keputusan untuk melaporkannya kerana semata-mata ada kebebasan untuk berbuat begitu.

Negara ini tidak perlu kepada media yang mengamalkan kebebasan tanpa batasan kerana ia akan membawa kepada porak-peranda dan melibatkan banyak kesusahan kepada pelbagai pihak, kata Perdana Menteri.

Mengenai timbulnya pelbagai laman web dan blog yang lebih terbuka melaporkan isu-isu hangat, Abdullah mengingatkan media arus perdana tidak perlu bersaing dan terikut-ikut dengan laman-laman web berkenaan.

Katanya, media arus perdana tetap akan diberikan perhatian oleh orang ramai dari terus berpengaruh sekiranya benar-benar menjaga peranan mereka.

"Tak payah bersaing, nak bersaing buat apa, laksanakan peranan dengan sebaik-baiknya kerana peranan yang diberikan kepada saudara cukup besar dan kebesaran yang diberikan sudah cukup untuk membolehkan surat khabar itu dicetak dan dapat diterima oleh rakyat.

"Jangan terbawa-bawa dan mengikut sensasi yang ditimbulkan dalam laman web, jika itu yang kita terikut-ikut, maka akhbar akan menjadi macam itu juga," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, media di negara ini mempunyai satu tanggungjawab yang besar terutama dari segi sosial untuk menyebarkan berita bagi membantu rakyat berfikir, menganalisis dan mendidik mereka.

"Di samping itu juga untuk membentuk pemikiran rakyat terutama yang ada hubung kait dengan Pembangunan negara pada masa depan dan usaha yang dijalankan pada waktu ini.

"Saya tegaskan betapa pentingnya misi nasional diberi liputan yang baik, betapa pentingnya rakyat disedarkan bahawa misi nasional itu mesti menjadi milik kita semua, mereka ada peranan untuk jayakan misi nasional kerana kita mahu Malaysia menjadi negara maju pada 2020," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan anggota media antarabangsa selepas merasmikan Persidangan Media Massa 2006 di Putrajaya, semalam.

Justeru kata beliau, media harus memelihara dan memahami tanggungjawab mereka kerana pengaruh besar yang dimiliki itu boleh membawa kesan baik atau buruk.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan laporan media pada masa ini mengenai berapa isu kontroversi, Abdullah berkata, secara umumnya media di negara ini begitu berhati-hati dalam menyiarkan berita-berita tersebut.

Cuma katanya, pengamal media mempunyai kecenderungan untuk sensasikan sesuatu berita yang menjadi tekanan kepada mereka dan ini disifatkan sebagai membimbangkan.

"Saya kata kita nak kebebasan dan ketelusan, saya kata itu baik tetapi hati-hati guna kebebasan itu, jangan kerana kebebasan, kita tidak bebas lagi," katanya.

Mengenai laman web yang semakin popular hingga menjejaskan kredibiliti media arus perdana, beliau berkata, pengamal media tidak perlu membuat keputusan untuk menjadi popular tanpa sebarang sebab atau kerana sebab yang salah.

"Anda tidak boleh bersaing dengan pihak yang didapati melakukan sesuatu anda tahu salah, itu tidak betul dan tidak sesuai.

"Ada berita yang tidak patut disiarkan, anda perlu membuat pilihan," katanya.